

AGAMA ITU NASIHAT

IKHLAS

Ikhlas itu ertinya pada loghat ialah membersihkan menyelamatkan . Ertinya terpakai dalam agama – ialah membersihkan amal semata-mata kepada Allah. Ikhlas itu kerap kali juga digunakan orang dalam hal ehwal yang tidak berhubung dengan ibadat kepada Allah seperti dalam persahabatan, pergaulan dan sebagainya.

Ikhlas itu ialah satu amalan hati yang menjadi pokok bagi semua amal kita yang baik. Ikhlas itu pati bagi segala ibadat. Tidak ada ibadat yang sah kalau tidak dilakukan dengan ikhlas. Amal kita yang tidak dengan ikhlas itu tidak diterima oleh Allah.

Oleh kerana ikhlas itu satu amalan hati yang

yang dahulu yang tiada bersebab hanyalah kerana ikhlas dan insaf kepada saya.”

Sungguhpun kedua-dua keterangan yang di atas itu cukup memuaskan hati saya, akan tetapi bukanlah rencana saya ini bererti suatu permintaan saya kepada tuan-tuan pembaca supaya menurut lafaz “payah menerima kasih” itu hanyalah tujuan saya bagi menunjukkan bahawa walaupun orang-orang tua kita Melayu dahulu itu bukan berkeadaan di dalam zaman tamadun “moden” atau utama atau persekolahan sebagaimana hari ini, tetapi sudah ada kebijakan tentang sasteraan mereka itu yang setengah daripadanya atau pun yang dikatakan kehalusan bahasa Melayu tua itu memuncakan sasteraan atau kesusasteraan Melayu muda kita sekarang. Dipendekkan kata, di dalam apa zaman pun dan apa bangsa atau kaum pun, tua dan muda, tiadalah sunyi daripada yang bijaksana dan yang bodoh, baik dan buruk, salah dan khilaf, lupa dan lalai, kerana sememanglah yang demikian sifat kemanusiaan adanya.

sangat mustahak maka di dalam al-Quran tidak sedikit ayat-ayat yang menyuruh dan menggambarkan supaya kaum muslimin ikhlas didalam amal-amalnya dan ibadatnya kepada Allah.

Firman Allah kepada Nabi Muhammad (SAW) yang tersebut di dalam surah al-Zumar ayat 2 maksudnya demikian : sesungguhnya kami telah turunkan kepadamu kitab itu dengan (membawa) kebenaran. Oleh itu sembahlah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat samata-mata keranaNya.

Dalam ayat 12 dalam surah itu juga Allah telah berfirman: “Katakanlah sungguhpun aku diperintah menyembah kepada Allah dengan mengikhhlaskan beribadat semata-mata kerananya.

Dalam surat al-Baiyinah ayat 5 Allah telah berfirman yang maksudnya: Mereka tidak diperintah melainkan menyembah kepada Allah dengan mengikhhlaskan ibadat semata-mata kerananya dengan lurus.

Daripada tiga ayat itu dapatlah kita ketahui bahawa Allah telah memerintahkan Nabi Muhammad (SAW) supaya ikhlas kepadanya, dan Allah telah perintahkan pula kepadanya supaya ia menyampaikan kepada umatnya darihal ikhlas itu, dan juga dengan khusus Allah telah hadapkan perintahna kepada kaum muslimin supaya mereka ikhlas di dalam mengerjakan ibadat.

Selain daripada itu ada beberapa banyak lagi ayat-ayat tentang ikhlas maka Rasulullah (SAW) telah menerangkan maksud ayat-ayat Quran dengan sabdanya: Sesungguhnya Allah tidak akan menerima amalan-amalan kamu) melainkan apa (yang dikerjakannya) kerananya dengan ikhlas dan diharap balasannya. –

(Hadis riwayat Abu Daud).

“Hai manusia ikhlaskanlah amalan-amalan kamu kerana Allah Subhanahu wataala tidak akan menerima amal-amal melainkan yang (dikerjakan) semata-mata kerananya” (Hadis riwayat al-Bazaar dan al-Baihaqi).

Maksud kedua-dua hadis itu bahawasanya Allah tidak akan menerima amalan-amalan kita malainkan amalan-amalan yang kesat dikerjakan semata-mata kerana perintahnya atau kerana perintah rasul yang jadi wakilnya.

Suatu lagi riwayat telah menyebut iaitu “Muaz bin Jabal telah berkata bahawa pada masa Rasulullah mengutusny

ke Yaman: Berilah wasiat kepada saya ya Rasulullah maka sabdanya ikhlaskanlah ibadatmu nescaya cukup bagimu amal yang sedikit. “ – (Hadis riwayat al-Hakim)

Rasulullah (SAW) telah bersabda yang maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada tubuh-tubuh kamu dan tidak kepada rupa-rupa kamu tetapi ia melihat kepada hati-hati kamu. – (Hadis Riwayat Muslim).


Tujuannya bahawa Allah mustahakkan ialah ikhlas kamu yang tempatnya di dalam hati. Satu riwayat lagi” “Berseru seorang lelaki katanya: Ya Rasulullah – Apa dia iman? Sabdanya: Ikhlas.” (Hadis Riwayat al-Baihaqi)

Daripada ayat-ayat dan hadis-hadis yang tersebut bahawa kita dapat tahu bahawa pokok bagi semua urusan kita di dalam berbakti kepada Allah itu ialah ikhlas sehingga Rasulullah (SAW) namakan iman itu ikhlas. Oleh itu ayat tiap-tiap urusan kita hendaklah asaskan dengan ikhlas. Kerana kita ini manusia dan lama kita telah terhindar daripada didikan agama yang sebenar dan sudah termasuk kepada kita didikan riak dan minta dipuji maka tidak hairan

kalau ibadat-ibadat kita sebahagiannya dikerjakan dengan tidak ikhlas. Dengan sebab itu janganlah kita tinggalkan amal yang baik dengan alasan bahawa amal kita belum diasaskan dengan ikhlas, hendaklah kita teruskan dengan dilawan-lawan, dan hendaklah kita berkata di dalam hati sendiri: “Apakah gunanya aku beribadat berpenat lelah mengerjakan amal itu dan ini supaya dipuji? Bukankah puji-puji manusia itu tidak boleh menyelamatkan aku di akhirat?

Dengan perkataan yang demikian itu dan seumpamanya mudah-mudahan hilanglah sifat tidak ikhlas itu dan di antara itu hendaklah juga kita berdoa meminta kepada Allah supaya ia jadikan kita orang yang ikhlas kepadanya.

Sebagaimana kita wajib ikhlas kepada Allah di dalam beribadat kepadanya itu, hendaklah juga kita bersifat ikhlas di dalam urusan rumah tangga dan pergaulan kita, mahupun kepada umum atau kepada sahabat-sahabat yang tertentu kerana orang yang ikhlas itu walau bagaimanapun susah payahnya pada permulaannya tetapi ia merasakan buah yang baik pada akhirnya. Dipetik daripada Majalah al-Lisan bilangan 6 bertarikh 27 Mei 1936



Penduduk Ambon bersuka ria dan bergembira menyambut ketibaan Doktor Mohammad Hatta wakil presiden Indonesia dalam lawatannya ke sana.